Rabu, 23 Jun 2021, 11:02am

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

# Keputusan PKP 3.0 diumum sebelum tarikh akhir

Oleh Mohamed Farid Noh - Jun 22, 2021 @ 7:09pm
farid_noh@bh.com.my

14

PKP 3.0 disambung atau tidak, diumum sebelum 28 Jun

TANGKAK: Kerajaan hanya akan mengumumkan sama ada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 disambung atau beralih ke fasa seterusnya, tiga atau dua hari sebelum sebelum tarikh akhir penguatkuasaannya pada 28 Jun ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata pengumuman mengenai isu berkenaan tidak akan dibuat dalam masa terdekat, berikutan perlu menunggu lebih banyak data dianalisa Kementerian Kesihatan (KKM).

Walaupun kerajaan menetapkan indikator tertentu termasuk jumlah kes, proses vaksinasi serta kapasiti penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU), situasi sebenar kes di negara ini sentiasa berubah.

"Kita ada beberapa hari lagi sahaja (sebelum 28 Jun). Jika sekiranya kadar (kes positif) itu boleh turun lagi, bermakna ia ikut jadual yang kita harapkan, maka negara akan mampu beralih ke fasa kedua.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Utamakan kebajikan rakyat, bukan politik - PM
- 'Anak istimewa juga berhak dapat vaksin'
- Kerajaan teliti rentas negeri untuk Aidilfitri
- PH pastikan ekonomi lebih baik

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 11m Inisiatif BRI: Malaysia ketengah isu kesihatan awam, COVID-19
- 17m Utama graduan pendidikan jadi cikgu jamin kualiti perguruan
- 20m 'Pemimpin UMNO elak berbeza pendapat isu Parlimen'
- 22m 15 kilang, 22 pekerja dikompaun RM194,000
- 32m Kawal perbelanjaan, fokus keperluan ketika PKP
- 38m Laporan berita COVID-19 tingkat keyakinan media
- 47m Kita dituntut jadi 'terlebih baik' demi kesejahteraan umat
- 52m 37 PATI ditahan cuba masuk, keluar menerusi jalan laut

"Jadi disebabkan itu, kita tidak akan buat pengumuman sekarang. Biasanya kita akan bagi ruang dua tiga hari lagi (sebelum tarikh akhir PKP) sama ada kita nak sambung atau kita akan beralih (ke fasa seterusnya) sebelum pengumuman rasmi dibuat.

"Perkara itu (PKP diteruskan atau tidak) akan diputuskan pada mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang saya pengerusikan untuk menilai keadaan semasa pandemik negara," katanya selepas meninjau PPV Dewan Muafakat Bukit Gambir, hari ini.




Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman beramah mesra bersama penerima vaksin ketika meninjau PPV Dewan Serbaguna Pagoh, Muar, Johor. - Foto NSTP/ Nur Aisyah Mazalan

Turut hadir, isterinya, Puan Sri Norainee Abdul Rahman; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kepong, Datuk Dr Sahruddin Jamal dan Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay.

Terdahulu, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh dan ADUN Gambir, turut mengadakan lawatan rasmi ke PPV Dewan Serbaguna Pagoh, di sini dan menghabiskan masa kira-kira 30 minit bertanya khabar penerima vaksin daripada golongan Orang Asli.

Muhyiddin turut meluangkan masa selama kira-kira 30 minit meninjau PPV Dewan Muafakat Bukit Gambir, di sini.

Sementara itu,Muhyiddin memaklumkan kerajaan sudah membeli dan membayar bekalan vaksin COVID- 19 bagi menampung keperluan rakyat di negara ini, namun masih belum menerima bekalan.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah mengarahkan Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, supaya meminta pembekal menghantar bekalan vaksin COVID-19 dengan segera.

Katanya, beliau sudah meninjau beberapa PPV di beberapa lokasi yang


## VAKSIN


LAIN-LAIN (BISNES) Jun 22, 2021 @ 9:06pm
Pengesahan S&P bukti kewangan negara kukuh - Tengku Zafrul


AMERIKA Jun 22, 2021 @ 2:03pm
Ramai golongan muda AS enggan divaksin


NASIONAL Jun 22, 2021 @ 1:56pm
'Tidak sabar kembali ke sekolah'


ASEAN Jun 22, 2021 @ 1:33pm
Terima suntikan vaksin atau dipenjara - Duterte


AMERIKA Jun 22, 2021 @ 8:17am
Longgar sekatan perjalanan warga Kanada selesai divaksin


NASIONAL Jun 22, 2021 @ 12:25am
Penerima vaksin Fasa Dua tetap diutamakan

## TRENDING


LAIN-LAIN (RENCANA) 3 jam yang lepas
Perbanyakkan wad isolasi, elak sebaran COVID-10 di udara


BOLA 3 jam yang lepas
EURO: Saka buat penyokong bingung


BOLA 5 jam yang lepas
EURO: Luke Shaw pula buat hal


BOLA 11 jam yang lepas
Gol kontroversi ranapkan impian JDT


KES Jun 22, 2021 @ 9:58pm
Maut ketika tukar tayar jentera berat

## MYRESIPI


TIPS & PETUA Jun 22, 2021 @ 3:49pm
Petua Ikan Bilis Goreng Supaya Kekal Rangup, Boleh Simpan Stok Di Rumah

Katanya, beliau sudah meninjau beberapa PPV di beberapa lokasi yang sudah dibuka dan diuruskan dengan baik,namun menghadapi masalah yang sama iaitu bekalan vaksin yang tidak mencukupi dan perlu ditambah.

"Beberapa PPV juga bersedia meningkatkan kapasiti pemberian vaksin namun tidak dapat berbuat demikian kerana jumlah vaksin yang tidak cukup.

"Kerajaan sudah beli dan bayar namun bekalan vaksin yang di tempah itu belum sampai apatah lagi seluruh dunia sekarang perlukan vaksin.

"Saya sudah arahkan menteri bertanggungjawab supaya minta pembekal dapat membekalkan vaksin dalam tempoh lebih cepat.

"Jika pengilang sudah keluarkan lebih banyak vaksin, kerajaan harap bekalan vaksin lebih banyak akan dihantar ke negara ini dengan segera," katanya.



Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin beramah mesra bersama penerima vaksin daripada golongan Orang Asli ketika meninjau PPV Dewan Serbaguna Pagoh, Muar, Johor. - Foto NSTP/ Nur Aisyah Mazalan

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Jun 22, 2021 @ 4:52pm

### Elaun 19,000 sukarelawan kesihatan dinaikkan RM100 sehari




NASIONAL Mac 27, 2021 @ 2:25pm

### Daftar segera untuk divaksin, capai imuniti kelompok







RESEPI Jun 22, 2021 @ 3:46pm

Resepi Roti Paratha Sosej Cheese Gulung Guna Air Fryer, Semudah ABC!

TIPS & PETUA Jun 21, 2021 @ 2:16pm



Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!



RESEPI Jun 21, 2021 @ 2:15pm

Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam



TIPS & PETUA Jun 18, 2021 @ 3:12pm

Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tips Ini



NASIONAL Jun 27, 2020 @ 10:13am

## Muhyiddin luang masa lawat PKS



NASIONAL Jun 22, 2021 @ 5:45pm

## 'Bekalan vaksin dibeli, masih belum tiba'


**Disyorkan untuk anda** Recommended by



**Why Andrew Yang's views split Asian American...**
Nikkei Asia



**Malaysia, 7 great vacations that feel good and ar...**
Australia.com
Learn More



**This is one of the most expensive homes in Florida.**
Mansion Global



**Shah Alam Residents Are Loving Affordabl...**
Stair Lifts | Search Ads



**Pets' Naughty Behavior Resulted In These Hilario...**
Parentsdome Galleries



**What People from Favorite Memes Look Like Now**
TooCool2BeTrue



**Why Is This $47 Monocular Better Than A $3000...**
tech4-you.com



**Here is what an unsold SUV might cost you in Shah...**
SUV Deals | Search Ads


IKUTI KAMI DI:

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

**PERKHIDMATAN**
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi